

D.R. 34/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996. Tajuk ringkas .

2. (1) Maka adalah dibenarkan supayadikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi satu bilion lima ratus tujuh puluh satu juta sembilan ratus lapan puluh empat ribu satu ratus lima puluh lima ringgit (RM1,571,984,155) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1996, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1996 dan Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1996.

AktaA938.
AkiaA957.

- (2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Pemntukan kepada Maksud RM
B. 1	Parlimen	359,855
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	600,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	30,000,000
B. 9	Jabatan Perangkaan	7,292,000
B. 10	Jabatan Peguam Negara	1,162,800
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	3,392,900
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1,528,600
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	24,386,100
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	4,987,200
B. 19	Kementerian Pertanian	77,079,300
B. 23	Jabatan Arkib Negara	899,900
B. 24	Jabatan Muzium dan Antikuiti	624,200
B. 26	Kementerian Pendidikan	299,362,000
B. 28	Perbendaharaan	14,523,700
B. 29	Perkhidmatan AmPerbendaharaan	300,000,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	20,000,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	28,412,500
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	8,708,000
B. 33	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	5,809,600
B. 34	Kementerian Kesihatan	264,219,000
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	3,366,700
B. 36	Polis Diraja Malaysia	243,600,000
B. 37	Jabatan Imigresen	9,370,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	7,145,700
B.40	Jabatan Penjara	29,865,700
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	5,500,000
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	8,325,700

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud RM
B. 47	Kementerian Pengangkutan	15,866,500
B. 48	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	57,396,100
B. 51	Kementerian Luar Negeri	61,300,000
B. 53	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	36,900,100
	JUMLAH	<hr/> 1,571,984,155 <hr/>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1996 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1996 dan Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996. [PN. (U²) 1961.]